

10 AUG 1996

Mahathir-Pelancongan

PM GALAK PEMBANGUNAN PUSAT PERANGINAN BERKONSEP TRADISIONAL

LANGKAWI, 10 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan supaya diperbanyakkan pembangunan pusat peranginan berkonsep perkampungan tradisional rakyat tempatan bagi menambah daya tarikan pelancong.

Menurut Perdana Menteri, pusat peranginan seumpama itu adalah unik dan memberi pengalaman baru kepada pengunjung.

"Saya fikir ramai pelancong asing berminat untuk melihat Malaysia. Kalau mereka datang untuk melihat hotel yang tidak berbeza dengan hotel di New York dan London, tiada sebab (mereka) hendak terbang beribu-ribu batu untuk ke sini," katanya kepada pemberita di Kampung Tok Senik, Mata Air di sini.

Kampung Tok Senik merupakan pusat peranginan yang berkonsepkan perkampungan tradisional Melayu Kedah yang dibangunkan Kumpulan Maju, yang turut memilik pusat peranginan tradisional Melayu, Desa Utara, di Tasik Pedu, Kedah.

Dr Mahathir merasmikan Kampung Tok Senik semalam dan hari ini beliau menjadi salah seorang saksi majlis pernikahan pasangan Annuar Ibrahim dan Juliana Alias yang diadakan di Rumah Tok Dukun, sebuah daripada 12 buah rumah dalam perkampungan itu.

Perdana Menteri berkata, adalah baik jika pusat peranginan seumpama itu dibangunkan di negeri-negeri lain.

"Di Langkawi ini (Kampung Tok Senik) lebih merupakan perkampungan tempatan, kampung Melayu Kedah. Di negeri lain mungkin kampung yang berbeza dan mereka mungkin ingin mengadakannya ... memang baik kalau ada," katanya.

Ketika ditanya mengenai hasrat kerajaan untuk menggalakkan penduduk kampung membuka rumah mereka kepada pelancong di bawah konsep "penginapan rumah", Dr Mahathir berkata beliau sememangnya menggalakkan konsep itu sekian lama.

"Saya sudah lama pun meminta kalau kita nak buat tempat tinggal penginapan kita buah secara sempurna. Jangan kita buat pondok yang uzur sampai tidak ada tingkap.

"(Kalau begitu keadaannya) kita menjatuhkan nama baik negara sedangkan negara kita mempunyai nilai yang tinggi.

"Seperti yang saya katakan berkali-kali, jika kita mempunyai seketul emas tetapi kita guna untuk buat tali sauh maka ia bermakna kita tidak tahu menghargai barangan yang ada pada kita."

Dr Mahathir berkata Malaysia adalah sebuah negara yang indah dan menurutnya, jika kita mendirikan pondok-pondok kecil dan tidak sempurna ia seperti "kita menjual emas pada harga yang murah".

Ketika ditanya mengenai pengekalan alam sekitar dalam pembangunan projek, Perdana Menteri berkata walaupun kebanyakan pemaaju semakin peka mengenai perkara itu, namun keadaannya belum memuaskan.

"Pemaaju cuba mengekalkan pokok dan bukit yang ada tetapi belum sampai ke tahap yang memuaskan," katanya.

Mengenai keadaan jalan raya di Langkawi yang rosak dan berlubang-lubang sekarang, Dr Mahathir berkata keadaan itu akan diperbaiki tetapi beliau menjelaskan bahawa semasa pembangunan sedang pesat dijalankan, perkara itu (kerusakan jalan raya) tidak dapat dielakkan.

Perdana Menteri sekali lagi menyentuh mengenai usul pihak tertentu dalam Umno bahagian Langkawi meminta kerajaan mengkaji semula taraf Langkawi sebagai pulau bebas cukai.

Katanya: "Yang meragui (hasil pengisytiharan status) hanya sebilangan kecil yang tidak tahu bersyukur tetapi majoriti orang Langkawi sedar akan nikmat yang mereka nikmati.

"Tetapi kita perlu kerap memperingatkan diri kita (kerana) kadang kala

kita terlupa.

"Umpamanya bila kita sihat, kita tidak tahu apa makna sakit tetapi apabila kita sakit baru kita tahu. Sekarang ini kita anggap orang Langkawi bukan sahaja sihat, bahkan lebih daripada sihat."

Semalam ketika merasmikan Kampung Tok Senik, Perdana Menteri menyatakan rasa kesalnya dengan usul itu, yang diluluskan semasa persidangan perwakilan Umno bahagian Langkawi pada 27 Julai lepas.

-- BERNAMA

ZAA MFJ AHH